

Lindungi anak di alam digital menuntut pendekatan pelbagai lapis

**Syed Azman
Syed Ismail,**

Pelajar
Pascasiswazah,
Fakulti
Pendidikan,
Universiti
Kebangsaan
Malaysia

Ramai ibu bapa hari ini berhadapan dengan dilema untuk mengimbangi antara memberi kebebasan menikmati alam digital, pada masa sama, memastikan keselamatan siber anak mereka.

Dalam dunia yang segala-galanya boleh dicapai dengan satu sentuhan skrin, risiko dalam talian bukan lagi sekadar kebimbangan, bahkan berpotensi mengancam keselamatan anak-anak.

Melarang kanak-kanak menggunakan media sosial mungkin kedengaran seperti langkah wajar, namun adakah tindakan itu benar-benar menyelesaikan masalah atau sekadar menangguhkan krisis lebih besar.

Ancaman digital seperti buli siber, penipuan dan kandungan tidak sesuai kini menjadi sebahagian daripada cabaran sebenar dihadapi kanak-kanak ketika melayari alam dalam talian.

Generasi tunas muda kini berhadapan dengan cabaran yang tidak pernah dialami ibu bapa mereka. Dalam usaha melindungi, kita tidak boleh hanya fokus kepada sekatan.

Dalam dunia hari ini, interaksi secara digital bukan lagi pilihan, tetapi sebahagian daripada cara kanak-kanak belajar, berkawan dan mengenal diri. Media sosial jika digunakan dengan bimbingan betul, boleh membantu membina keyakinan dan identiti remaja.

Sekatan menyeluruh berisiko mendorong mereka mencari jalan alternatif lebih berbahaya seperti menggunakan akaun palsu atau meminjam identiti orang lain.

Selain itu, menyekat akses sepenuhnya boleh membawa kepada kesan sampingan seperti rasa dipinggirkan, kurang kemahiran digital dan hilang keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa. Dalam jangka masa panjang, ini boleh merugikan mereka dari segi sosial, akademik dan emosi.

Pemantauan teliti ibu bapa, literasi digital

Antara pendekatan lebih praktikal ialah memberi akses media sosial secara berperingkat dengan pemantauan teliti daripada ibu bapa. Akaun khas untuk kanak-kanak boleh disertakan dengan had masa melayari skrin, kawalan terhadap senarai rakan serta penapisan kandungan.

Platform media sosial pula perlu menyediakan

ciri keselamatan tambahan bagi pengguna bawah umur supaya mereka dapat berinteraksi dalam persekitaran lebih terkawal.

Pada masa sama, pendidikan literasi digital wajar dimulakan sejak awal persekolahan. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada pengetahuan mengenai keselamatan dalam talian, privasi digital dan cara mengenal pasti penipuan.

Ilmu ini bukan sahaja membantu mereka mengelak risiko, malah membentuk mereka sebagai pengguna teknologi cekap, bertanggungjawab dan beretika.

“Dalam dunia hari ini, interaksi secara digital bukan lagi pilihan, tetapi sebahagian daripada cara kanak-kanak belajar, berkawan dan mengenal diri”



Peranan syarikat media sosial tidak boleh diketepikan. Mereka seharusnya lebih bertanggungjawab menyaring kandungan, membina ciri keselamatan sesuai dengan umur pengguna dan menyediakan sistem aduan mudah diakses.

Kerjasama antara kerajaan dan syarikat media sosial membolehkan langkah perlindungan lebih berkesan dapat dibangunkan tanpa menafikan hak kanak-kanak berhubung dan belajar secara digital.

Dalam konteks ini, keluarga dan komuniti memainkan peranan penting. Ibu bapa tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada undang-undang atau teknologi.

Perbualan terbuka mengenai penggunaan internet, cabaran mungkin dihadapi dan cara mengatasinya adalah benteng awal paling asas. Komuniti boleh menganjurkan bengkel kesedaran atau sesi khas untuk membantu ibu bapa membimbing anak-anak menggunakan internet dengan selamat.

Isu keselamatan kanak-kanak dalam talian tidak boleh diselesaikan dengan satu penyelesaian mudah seperti larangan menyeluruh. Dunia digital menuntut kefahaman, kesabaran dan pendekatan pelbagai lapis.

Pendidikan, pemerkasaan ibu bapa, tanggungjawab platform dan dasar fleksibel perlu berjalan seiring. Dengan kerjasama semua pihak, kita boleh membina ruang digital lebih selamat dan bermakna untuk generasi akan datang.